

'Kajian buktikan PPSMI gagal'

BH - 18/7/2020 m/s. 3

Kuala Lumpur: Keputusan Kementerian Pendidikan tidak melaksanakan semula dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) adalah tindakan tepat.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan bahasa dan pendidikan dalam satu kenyataan bersama semalam berkata ini kerana kajian yang dilakukan sebelum ini menunjukkan kegagalan program berkenaan.

Penasihat Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), Prof Datuk Dr Awang Sariyan, yang mewakili 15 NGO terbabit berkata tiada keperluan untuk melaksanakan semula PPSMI berikutan Program Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang digunakan kini mula memperlihatkan kesan positifnya.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan ketika di bawah teraju Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 2011 sudah memutuskan pemanusiaan PPSMI selepas kajian pelbagai institusi bahasa dan pendidikan menunjukkan kesilapan dan kegagalan PPSMI.

"Semua kajian menunjukkan PPSMI tidak berjaya mencapai hasrat Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

"Malah, di sebalik perbelanjaan besar yang melebihi RM5 bilion, pencapaian PPSMI hanya sekitar tiga peratus dan menyebabkan kemerosotan yang nyata bagi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

"Rata-rata kajian menunjukkan bahawa lebih 70 peratus pelajar dan guru tidak menganggap PPSMI sebagai program yang tepat bagi hasrat peningkatan penguasaan bahasa Inggeris, Sains dan Matematik," katanya.

Kelmarin, Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Mohd Radzi Jidin, menerusi jawapan bertulis Dewan Rakyat, berkata kerajaan tidak akan meneruskan pelaksanaan PPSMI sebagaimana dicadangkan kerajaan terdahulu pada tahun lalu.

Sementara itu, kenyataan NGI itu menyebut, pencapaian pelajar negara dalam ujian antarabangsa yang berkaitan dengan Sains dan Matematik seperti Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) dan Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) merosot dengan ketara sesudah pelaksanaan PPSMI.